


INFOKAMPUS

Feb 2021



116215

Info kampus Feb 2021 / UiTM Cawangan
Sarawak



UiTM
SARAWAK

*pays courtesy visit to the
Chief Minister
of Sarawak*

Courtesy Visit
Datuk Hj Abdul Karim
Rahman Hamzah

MOA

UiTM & STOMA SDN BHD

KAIB 2020

Soars to Greater Heights

innosTRE
First Hybrid Conference



Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengadakan Hari Kesihatan yang bertemakan Kepentingan Kesihatan Mental dan Kempen Derma Darah yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Kolej Kediaman Seri Kuala 1 (SKL1) pada 29 Februari 2020. Program tersebut telah bermula pada jam 9 pagi dan berakhir pada jam 4 petang. Program ini merupakan program UiTM Kampus Mukah dengan kerjasama dari Pejabat Kesihatan Bahagian Mukah serta Unit Tabung Darah, Hospital Mukah. Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan kesihatan mental untuk menjaga kesihatan optimum samada dari peringkat kanak-kanak, dewasa hingga ke usia emas seraya memberi kesedaran kepada pelajar tentang kepentingan menderma darah dan impaknya kepada

masyarakat setempat. Menerusi program ini, ceramah kesihatan mental dan saringan minda sihat telah dijalankan bagi memantapkan lagi pengetahuan umum tentang pencegahan dan pengesanan awal penyakit mental.

Program ini telah berjaya mengumpulkan 90 paket darah daripada penderma-penderma darah yang terdiri daripada pelajar serta warga kampus UiTM Mukah. Menurut wakil daripada Unit Perubatan Transfusi Darah, Dr. Abu Sufian, program ini telah mencapai sasaran paket darah dan paket-paket darah ini akan dihantar ke Tabung Darah Hospital Sibu untuk tindakan seterusnya. Penganjuran program seumpama ini diharapkan mampu untuk mengurangkan tanggapan dan stigma negatif berkaitan penyakit mental serta menggalakkan lebih ramai pelajar serta warga kampus untuk menderma darah.

HARI KESIHATAN PENTINGNYA KESIHATAN MENTAL Di Kalangan Pelajar

Pengarang:
Juriah Japar
Siti Faridah Kamaruddin

Secara fitrahnya, setiap individu mempunyai keinginan untuk membantu dan menolong orang lain berdasarkan kapasiti dan kesediaan yang ada pada mereka. Demikian juga seseorang individu akan merasa senang dan gembira apabila ada orang yang cuba memahami dan membantu mengatasi situasi-situasi sukar yang dialami dalam kehidupan seharian mereka. Bahkan pertolongan dalam bentuk sokongan psikologi atau moral ada ketikanya sudah cukup untuk seseorang mengharungi cabaran kehidupan dengan penuh tabah dan yakin.

Menyedari akan kepentingan sentuhan kemanusiaan ini, Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan program CertifyMe-Khidmat Rakan Kaunselor yang dihadiri oleh sekumpulan mahasiswa UiTM Cawangan Sarawak yang telah dipilih dan dilantik secara sukarela sebagai penolong (Helper) kepada pelajar-pelajar yang memerlukan pertolongan.

Bantuan atau pertolongan yang dijalankan adalah berbentuk nasihat, dorongan dan sokongan sama ada secara bersemuka, tele-advising atau mesej elektronik. Program CertifyMe-Khidmat Rakan Kaunselor ini merupakan salah satu inisiatif universiti dalam

mempelbagaikan medium bantuan psikologi dan bimbingan kepada mahasiswa yang memerlukan pertolongan lebih-lebih lagi dalam mendepani pandemik Covid-19 ketika ini.

Seramai 30 orang peserta dari seluruh kampus UiTM Cawangan Sarawak telah menyertai program yang dianjurkan selama 2 hari ini bermula pada 2 hingga 3 Disember 2020 yang lalu. Sesuai dengan keadaan pandemik semasa, program ini telah dilaksanakan secara atas talian dengan menjemput barisan Kaunselor Berdaftar (KBPA) daripada Kampus Samarahan, Kampus Mukah dan Kampus Shah Alam. Program ini dipercayai dapat meningkatkan kemahiran mahasiswa dalam memainkan peranan mereka sebagai Helper.

Pengarang:
Dayang Nordiana
Shafiza Salleh
Khayrol Etty
Izyan Masli

CERTIFYME Khidmat Rakan Kaunselor

pendekkan dan dipilih bagi membantu menjadi fasilitator kursus ini berdasarkan beberapa kriteria iaitu: pengalaman berniaga menggunakan media sosial, tahun penglibatan dan lain-lain kriteria yang bertepatan dengan keperluan kursus tersebut. Kelima-lima pelajar yang telah terpilih adalah pelajar tahun akhir dari program Diploma Pengurusan Perniagaan dan Diploma Pengurusan Perbankan kampus Mukah.

Dengan pengalaman pelajar serta bimbingan pensyarah terlibat, kursus berjalan dengan baik dan semua peserta telah berjaya mendirikan laman media sosial khas bagi mempromosi jualan mereka pada hari terakhir kursus. Ini telah mendapat pengiktirafan dari peserta serta pegawai KEMAS bahagian Mukah. Puan Peggy Ann Iba Anak Matu dalam Majlis Penyampaian Sijil Penyerahan dan Penghargaan pada 17 November 2020.


SULAM ONLINE MARKETING 2020

Pengarang:
Ahmad Faisal Bin Mahdi
Siti Farah Binti Lajim
Agnes Ak Kanyan

Pada 11 November 2020 yang lalu, pihak pengurusan UiTM Mukah dengan kerjasama KEMAS Bahagian Mukah telah menjalankan Kursus Pemasaran Atas Talian selama 2 hari iaitu pada 16 dan 17 November 2020 bersama 25 orang peserta yang terdiri daripada penerima bantuan KEMAS, Mukah.

Atas persetujuan pihak KEMAS, UiTM telah mengizinkan SULAM UiTM Mukah untuk mengubahsuai pelaksanaan Kursus Pemasaran Atas Talian ini bagi dijadikan sebagai program SULAM atas kendalian UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah di mana pelajar kampus Mukah dapat dilibatkan dalam pelaksanaan kursus ini.

5 orang pelajar telah disenarai





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PID
PROFESSIONAL MUTAWWIF
DEVELOPMENT



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

INFOKAMPUS

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak
94300 Kota Samarahan,
Sarawak,
Malaysia
+6082 677 200

ISSN: 2232-1578



9 772232 157005